



Lindungi pelajar anda dengan perlindungan yang lebih baik

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)

Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Adakah pelajar anda dilindungi sepenuhnya daripada kemalangan pada bila-bila masa dan di mana sahaja?

Memperkenalkan **Allianz Student Personal Accident**, pelan perlindungan kemalangan diri menyeluruh yang direka khas untuk pelajar. Pelan ini menawarkan perlindungan 24/7 untuk memastikan pelajar anda dilindungi di mana sahaja mereka berada.



Berikut adalah sepuluh (10) aspek utama bagaimana **Allianz Student Personal Accident** melindungi pelajar anda:



Sehingga **RM50,000** jika berlaku Kematian akibat kemalangan



Perlindungan sehingga **RM50,000** untuk Hilang Upaya Kekal akibat kemalangan



Sehingga **RM25,000** bagi Kematian akibat kemalangan semasa menggunakan Pengangkutan Awam



Indemniti Berganda bagi Kematian & Hilang Upaya Kekal yang berlaku akibat kemalangan di dalam kawasan premis sekolah



Elaun **Ihsan**




Elaun **Pendidikan**



Manfaat **Perbelanjaan Perubatan**



Pendapatan Hospital sehingga 60 hari



Perbelanjaan **Perjalanan**



Perbelanjaan **Modifikasi Gaya Hidup**



Jadual Manfaat

Manfaat	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Kematian	15,000	30,000	50,000
Hilang Upaya Kekal (sehingga)	50,000	50,000	50,000
Kematian akibat Kemalangan di dalam Pengangkutan Awam	10,000	20,000	25,000
Perbelanjaan Perubatan (sehingga)	2,000	3,000	4,000
Perubatan Alternatif (sehingga)	RM25 setiap lawatan, sehingga maksimum RM250 daripada had Perbelanjaan Perubatan		
Elaun Perkabungan (sekali gus)	15,000		
Perbelanjaan Pengebumian (sekali gus)	2,000	2,000	3,000
Pendapatan Hospital (sehari/maksima 60 hari)	50	50	100
Perbelanjaan Perjalanan	RM10 setiap hari sehingga maksimum RM500		
Rawatan Pergigian (sehingga)	200	500	500
Elaun Pembelajaran (sekali gus)	10,000	20,000	40,000
Penculikan (sekali gus)	RM1,000 untuk perbelanjaan dan RM5,000 untuk ganjaran	RM2,000 untuk perbelanjaan dan RM10,000 untuk ganjaran	
Bayaran Ambulans (sehingga)	Tidak dilindungi	RM50 untuk Hospital Kerajaan dan RM100 untuk Hospital Swasta	
Indemniti Berganda (semasa di dalam premis Sekolah)	30,000	60,000	100,000
Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup (sehingga)	1,000	2,500	5,000
Elaun Ihsan (sekali gus)	200	500	1,000
Premium Tahunan (RM)	10	20	28

Nota:

- Duti Setem RM10 perlu dibayar pada kontrak insurans.
- Di mana berkenaan, premium tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan.
- Amaan Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

Penerangan Manfaat

Allianz Student Personal Accident direka untuk menyediakan pelajar anda dengan enam belas (16) manfaat utama sekiranya perkara yang tidak diduga berlaku.



Kematian

Dibayar jika berlaku kematian akibat kemalangan.



Hilang Upaya Kekal

Dibayar sekiranya berlaku hilang upaya kekal akibat kemalangan.



Kematian Akibat Kemalangan di dalam Pengangkutan Awam

Bayaran sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan semasa menggunaan pengangkutan awam (sebagai penumpang yang menggunaan tambang), semasa dalam perjalanan ke atau dari sekolah/kegiatan rasmi sekolah.



Perbelanjaan Perubatan

Pembayaran balik perbelanjaan perubatan untuk hospital, rawatan klinikal, perubatan dan pembedahan yang berlaku akibat kemalangan.



Perubatan Alternatif

Pembayaran balik kos rawatan perubatan alternatif yang ditanggung akibat kemalangan.




Elaun Perkabungan

Bayaran elaun sekiranya berlaku kematian akibat denggi.



Perbelanjaan Pengebumian

Pembayaran sekali gus aman untuk perbelanjaan pengebumian sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan.




Pendapatan Hospital

Pembayaran manfaat harian sehingga maksima enam puluh (60) hari sekiranya dimasukkan ke hospital di Malaysia akibat kemalangan. Manfaat ini hanya terpakai sekiranya kemasukan ke hospital lebih daripada dua belas (12) jam akibat kemalangan.



Perbelanjaan Perjalanan

Pembayaran manfaat kepada Ibu Bapa Orang Yang Diinsuranskan bagi perbelanjaan perjalanan yang ditanggung disebabkan kemasukan Orang Yang Diinsuranskan ke hospital di Malaysia akibat kemalangan.



Rawatan Pergigian

Pembayaran balik perbelanjaan yang ditanggung bagi rawatan pergigian yang diperolehi dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa kemalangan dan rawatan susulan sehingga empat belas (14) hari berikutan rawatan awal.



Elaun Pendidikan

Syarikat membayar sekiranya salah seorang Ibu Bapa Orang Yang Diinsuranskan meninggal dunia atau lumpuh sepenuhnya (dari leher ke bawah) atau hilang akal sepenuhnya (disahkan oleh pengamal perubatan) atau mengalami kecederaan yang mengakibatkan salah satu daripada Ibu Bapa terlantar kekal di katil disebabkan kemalangan dan tidak mampu melaksanakan tiga (3) atau lebih aktiviti kehidupan harian yang mana Ibu Bapa boleh melakukannya secara normal sekiranya kecacatan tersebut tidak berlaku.



Penculikan

Pembayaran sekali gus aman untuk perbelanjaan yang diperlukan untuk mencari Orang Yang Diinsuranskan. Syarikat juga akan menawarkan ganjaran untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan, dengan syarat bahawa pengesahan dan kepastian oleh pihak polis bahawa wang tebusan telah dituntut oleh penculik untuk mengembalikannya semula Orang Yang Diinsuranskan. Selepas setahun dari tarikh laporan kejadian penculikan, kehilangan tersebut akan dianggap sebagai tuntutan kematian.



Bayaran Ambulans

Pembayaran balik bagi bayaran ambulans yang ditanggung untuk perjalanan ke dan/atau dari hospital yang terletak di Malaysia akibat kemalangan. Manfaat ini hanya tersedia untuk Pelan 2 dan Pelan 3 sahaja.




Indemniti Berganda

Pembayaran dua kali ganda Jumlah Yang Diinsuranskan di bawah manfaat kematian atau Hilang Upaya Kekal sekiranya berlaku kematian, lumpuh sepenuhnya dari leher ke bawah atau hilang kegunaan kekal dua (2) atau lebih anggota tangan atau kaki yang disebabkan oleh kemalangan, yang berlaku semasa Orang Yang Diinsuranskan di dalam premis sekolah.



Elaun Ihsan

Pembayaran sekali gus aman sekiranya salah seorang Ibu Bapa Orang Yang Diinsuranskan mengalami kematian akibat kemalangan. Manfaat ini terhad kepada satu tuntutan sahaja.



Perbelanjaan Modifikasi Gaya Hidup

Pembayaran balik kos modifikasi rumah Orang Yang Diinsuranskan dan/atau kenderaan Ibu Bapa, supaya Orang Yang Diinsuranskan dapat menyesuaikan diri dengan lima puluh peratus (50%) atau lebih manfaat hilang upaya kekal dibayar.

Nota Penting

1. Kelayakan Perlindungan

Perlindungan tersedia untuk warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia atau individu yang menetap secara sah di Malaysia dan merupakan pelajar sepenuh masa yang bersekolah dan belum mempunyai pekerjaan tetap di Malaysia, berumur dari dua (2) tahun sehingga dua puluh satu (21) tahun.

2. Perbelanjaan Perubatan

Anda boleh menuntut untuk perbelanjaan penghospitalan, rawatan klinikal, perubatan, dan pembedahan yang ditanggung akibat kemalangan.

3. Hilang Upaya Kekal

Deskripsi Kehilangan	% Jumlah Yang Diinsuranskan
Hilang kedua-dua tangan atau kesemua jari, atau kedua-dua ibu jari	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar kekal di katil	100%
Hilang empat jari dan ibu jari di sebelah tangan	50%
Hilang empat jari	40%

Untuk maklumat terperinci mengenai Skala Pampasan Hilang Upaya Kekal, anda boleh merujuk kepada Polisi yang terdapat di laman web korporat kami.

4. Definisi sekolah

Istilah "sekolah" merangkumi mana-mana taman asuhan, tadika, sekolah, kolej, pusat pembelajaran atau institusi pendidikan lain yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Risalah ini berkuat kuasa mulai 17 Oktober 2024.

Risalah ini bukan Kontrak Insurans dan hanyalah untuk maklumat umum sahaja. Penerangan untuk perlindungan yang diberi hanyalah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Keterangan yang lebih lanjut terdapat di dalam Polisi.

Hubungi kami untuk maklumat lanjut: